



JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI MALAYSIA

JPK.IP.(UU):130 JLD 4(41)
Kepada: Semua Koperasi

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 15 TAHUN 2005

GARIS PANDUAN BAGI MENGLASIFIKASIKAN PINJAMAN TAK BERBAYAR DAN PERUNTUKAN BAGI HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU


1. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah Peraturan 43 Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 untuk memberi satu penetapan ke atas kategori pinjaman tak berbayar dan peruntukan bagi hutang lapuk dan hutang ragu bagi pinjaman-pinjaman secara konvensional. Pengelasan ini akan mewujudkan satu standard minimum bagi akaun-akaun koperasi, pengiktirafan pendapatan koperasi dan penyediaan peruntukan bagi kerugian pinjaman oleh koperasi. Dengan ini, penilaian aset pinjaman koperasi kredit dan pengiktirafan pendapatan berhemat yang realistik dapat dicapai.

2. PENGELASAN PINJAMAN SEBAGAI PINJAMAN TAK BERBAYAR

Secara am sesuatu pinjaman adalah dikelaskan sebagai pinjaman tak berbayar jika prinsipal atau faedah atau kedua-duanya perlu dibayar tetapi **tidak dibayar selama enam bulan atau lebih**, mulai dari hari pertama bayaran tidak dibuat. Ini boleh dijelaskan seperti berikut:

Bulan pembayaran tidak dibuat mulai dari hari pertama



3. PENGENDALIAN PINJAMAN SUKU TAHUN, SETENGAH TAHUN, TAHUNAN ATAU PEMBAYARAN BALIK SEKALI GUS

Jika ansuran bayaran balik berjadual bagi tempoh setiap tiga bulan atau lebih, dan bayaran balik itu telah tamat tempoh dan **tidak dibayar selama tiga bulan atau lebih**, pinjaman itu adalah dikelaskan sebagai pinjaman tak berbayar mulai hari pertama bayaran gagal dibuat.

4. PENGENDALIAN PINJAMAN YANG DICAGAR DENGAN WANG TUNAI ATAU PENGGANTIAN KEPADA WANG TUNAI (CASH SUBSTITUTES)

Jika sesuatu pinjaman (termasuk principal, faedah dan kos kutipan) yang dicagar sepenuhnya dengan wang tunai atau penggantian kepada wang tunai (*cash substitute*) telah tamat tempoh dan bayaran tidak dibuat selama dua belas bulan atau lebih mulai hari pertama bayaran gagal dibuat, pinjaman itu adalah dikelaskan sebagai pinjaman tak berbayar. Wang tunai atau penggantian kepada wang tunai (*cash substitutes*) adalah ditakrifkan seperti berikut:

- (a) deposit tetap;
- (b) sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan; atau
- (c) apa-apa jaminan tak boleh mansuh (*irrevocable guarantees*) oleh Kerajaan Persekutuan.

Bagi pinjaman yang dicagar sebahagian dengan wang tunai atau penggantian kepada wang tunai (*cash substitutes*), pecahan pengelasan hendaklah digunakan. Bagi maksud ini, bahagian pinjaman terjamin hendaklah tertakluk kepada peraturan pengelasan di para 4 dan bahagian pinjaman tidak terjamin hendaklah tertakluk kepada peraturan pengelasan biasa seperti di para 2.

5. PENGENDALIAN BAYARAN BALIK SEBAHAGIAN PINJAMAN

Untuk membuat pengiraan tunggakan ke atas tempoh pembayaran balik, setiap pembayaran balik itu hendaklah dibuat dengan sepenuhnya. Jika seseorang peminjam membuat pembayaran balik bulanannya secara sebahagian sahaja, pembayaran balik itu masih dianggap sebagai tertunggak.

6. PENGENDALIAN KE ATAS FAEDAH DAN FAEDAH DENDA BAGI PINJAMAN TAK BERBAYAR

Semua faedah terakru yang bermula dari tarikh akaun dikelaskan sebagai pinjaman tak berbayar hendaklah digantung dan dikreditkan ke dalam akaun "faedah tergantung" dan ditunjukkan di dalam buku akaun koperasi. Kemasukan (*memorandum entry*) ke dalam buku akaun hanya boleh dibenarkan setelah pinjaman itu telah dihapus kira sepenuhnya atau sebahagiannya. Faedah terakru daripada pinjaman tak berbayar akan diambil kira sebagai pendapatan bila pembayaran faedah diterima oleh koperasi.


Faedah denda hendaklah diambil kira sebagaimana yang ditentukan bagi kes faedah biasa. Faedah denda juga hendaklah direkodkan ke dalam buku akaun dan bukan sebagai kemasukan memorandum (*memorandum entry*).

7. PENGELASAN SEMULA PINJAMAN TAK BERBAYAR SEBAGAI BERBAYAR

Sesuatu pinjaman tak berbayar boleh dikelaskan semula sebagai berbayar jika jumlah tunggakan berkurangan daripada enam bulan. Sebagai contoh, jika sesuatu pinjaman telah tertunggak selama lapan bulan dan peminjam telah membayar tiga bulan ansuran, pinjaman tak berbayar ini boleh dikelaskan semula sebagai pinjaman berbayar kerana jumlah tempoh masa tunggakan telah berkurangan daripada enam bulan. Apabila pinjaman dikelaskan semula sebagai berbayar, faedah boleh diambil kira sebagai pendapatan secara asas akrual (*accrual basis*). Jika tunggakan pinjaman masih berada di bawah tahap enam bulan, pinjaman itu boleh dikelaskan sebagai tunggakan berbayar dan pendapatan faedah boleh diambil kira sebagai akrual.

8. PENJADUALAN SEMULA PINJAMAN

8.1 Pinjaman yang dijadualkan semula adalah pinjaman yang mana syarat pembayaran balik telah dipinda tetapi syarat-syarat prinsip asal tidak berubah. Antara lain, penjadualan ini termasuk memanjangkan tempoh masa pembayaran balik semula bagi kemudahan tersebut. Jika penjadualan semula pinjaman berlaku sebelum sesuatu akaun dikelaskan sebagai pinjaman tak berbayar, akaun itu hendaklah dikelaskan sebagai berbayar. Pinjaman ini hanya dikelaskan sebagai pinjaman tak berbayar sekiranya secara agregat peminjam gagal membuat pembayaran semula selama enam bulan atau lebih mulai dari hari pertama bayaran itu tidak dibuat. Ini boleh dijelaskan seperti berikut:



Jika penjadualan semula pinjaman berlaku selepas akaun dikelaskan sebagai tak berbayar, akaun berkaitan hendaklah terus dikelaskan sebagai tak berbayar. Pinjaman yang dijadualkan semula itu hanya boleh dikelaskan sebagai berbayar selepas bayaran balik mengikut tempoh dan syarat baru dibuat secara berterusan bagi tempoh enam bulan atau apabila pinjaman menjadi terjamin melalui tunai atau penggantian kepada tunai sebagai mana yang dijelaskan di para 4 di atas.

8.2 Untuk mengelakkan berlakunya pindaan yang kerap, koperasi dibenarkan menjadualkan semula sesuatu pinjaman satu kali sahaja dalam masa dua tahun. Walau bagaimanapun, penjadualan semula pinjaman lebih daripada

satu kali bagi setiap dua tahun hanya boleh dibuat dengan kelulusan Ketua Pendaftar.

9. PENYUSUNAN SEMULA PINJAMAN

- 9.1 Penyusunan semula pinjaman berlaku apabila pengubahsuaian telah dibuat kepada syarat dan tempoh sesuatu pinjaman. Ini termasuk pindaan kepada syarat-syarat kemudahan pinjaman bagi membantu peminjam mengatasi masalah kewangan jangka pendek. Apabila peminjam bersetuju untuk menerima skim pinjaman tersebut, kemudahan baru itu akan menjadi kemudahan penyusunan semula.
- 9.2 Jika penyusunan semula dibuat sebelum pinjaman dikelaskan sebagai tak berbayar, tempoh tunggakan hendaklah dibatalkan apabila penyusunan semula itu diluluskan. Penyusunan semula pinjaman itu hendaklah dikelaskan sebagai tak berbayar apabila peminjam gagal membuat pembayaran balik mengikut terma penyusunan semula pinjaman bagi tempoh enam bulan atau lebih, mulai dari hari pertama pembayaran tidak dibuat.
- 9.3 Jika penyusunan semula dibuat selepas sesuatu pinjaman dikelaskan sebagai tak berbayar, pinjaman itu boleh dikelaskan semula sebagai berbayar apabila penyusunan semula diluluskan. Bagi penyusunan semula yang berikutan, pinjaman itu seterusnya dikelaskan sebagai tak berbayar sehingga pembayaran balik di bawah syarat penyusunan semula dipatuhi bagi enam bulan berturut-turut atau apabila pinjaman terjamin melalui wang tunai atau penggantian kepada wang tunai sebagaimana dijelaskan di bawah para 4.
- 9.4 Apabila sesuatu pinjaman telah dijadualkan semula, semua faedah terakru dan faedah tergantung bolehlah dipermodalkan sebagai asas prinsipal pinjaman baru (*new principal loan base*). Faedah tergantung yang telah dipermodalkan tidak boleh dikreditkan sebagai faedah pendapatan semasa penjadualan semula, tetapi hanya boleh dibuat sedemikian selepas penerimaan wang tunai. Di dalam buku akaun, prinsipal asas, faedah boleh diambil kira tetapi belum dikutip dan faedah tergantung hendaklah dikekalkan tanpa dibuat sebarang perubahan.

10. PERUNTUKAN BAGI HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

Koperasi hendaklah mengkaji semula kecukupan peruntukan bagi hutang lapuk dan hutang ragu pada setiap tahun bagi memastikan jumlah peruntukan yang dibuat mencerminkan anggaran kerugian yang mungkin dialami. Bagi peruntukan-peruntukan yang spesifik, koperasi dikehendaki mematuhi parameter minimum seperti berikut:

Tempoh masa gagal membuat pembayaran	Pengelasan	Peruntukan Khas nilai bagi cagaran terkurang ke atas jumlah tertunggak, setelah ditolak faedah bersih belum dibayar dan faedah tergantung
Sembilan bulan tetapi kurang daripada 12	Hutang ragu, kecuali ada bukti bagi menyokong	50%

bulan	pengelasan yang lebih buruk seperti dijelaskan di para 14 b.	
12 bulan dan ke atas.	Hutang lapuk	100%

Bagi maksud menentukan sesuatu tahap peruntukan, koperasi hendaklah merujuk kepada prinsip-prinsip am seperti berikut:

(a) **Hutang ragu**

Kemudahan kredit atau sebahagian daripadanya yang mana pengutipan balik sepenuhnya dijangka tidak dapat dibuat dan risiko gagal membayar balik oleh peminjam adalah tinggi.

(b) **Hutang lapuk**

Kemudahan kredit atau sebahagian daripadanya yang dijangka tidak dapat dikutip dan tidak bernilai atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Koperasi hendaklah menyediakan satu peruntukan bagi tanggungan luar jangka untuk menangani masalah kewangan yang boleh berlaku pada bila-bila masa.

11. HAPUS KIRA PINJAMAN TAK BERBAYAR (WRITE-OFF OF NON-PERFORMING LOANS)

Pinjaman atau sebahagian daripadanya yang telah dikelaskan sebagai hutang lapuk atau dijangka tidak dapat dikutip balik hendaklah dihapus kira. Sebelum tindakan hapus kira boleh dibuat, Anggota Lembaga Koperasi hendaklah memberi kelulusannya. Walau bagaimanapun, jika perlu dan tertakluk kepada sesuatu had, kuasa ini bolehlah diwakilkan oleh Lembaga kepada jawatankuasa pengurusan yang terdiri daripada pegawai-pegawai pengurusan kanan.

12. MASUK KIRA SEMULA BAGI PERUNTUKAN KHAS (WRITE-BACK OF SPECIFIC PROVISION)

Masuk kira semula bagi peruntukan khas boleh dibenarkan atas sebab-sebab seperti berikut:

- (a) bagi pinjaman yang telah dibayar balik dengan sepenuhnya;
- (b) jika ada aliran masuk tunai;
- (c) jika ada sesuatu perjanjian kontrak bagi melupuskan cagaran dengan harga yang lebih tinggi daripada kadar nilai yang digunakan oleh koperasi;
- (d) jika ada peningkatan bagi nilai cagaran kerana berlaku penukaran status tanah ke atas hartanah yang dicagar, contohnya, daripada tanah pertanian ke tanah perumahan; dan
- (e) jika ada bukti kukuh bagi menyokong pengelasan semula pinjaman itu ke suatu kategori yang lebih baik.

Masuk kira semula peruntukan rosotnilai harta benda yang dicagarkan boleh dibuat atas sebab-sebab seperti berikut:

- (i) jika harta benda yang dicagarkan diperoleh bagi penjelasan hutang dijual dengan harga yang lebih tinggi daripada nilai buku bersih;
- (ii) jika ada perjanjian kontrak bagi menjual harta benda yang dicagarkan dengan harga yang lebih tinggi daripada nilai buku bersih; atau
- (iii) jika ada peningkatan nilai bagi harta benda yang dicagarkan akibat daripada peningkatan penggunaan tanah.

13. AM

Semua koperasi hendaklah mematuhi garis panduan ini dan kegagalan mematuhi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 dan tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mana-mana koperasi yang didapati tidak mematuhi garis panduan ini.

14. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ianya dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”**

(DATO' HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN)
Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia

Tarikh: 30 Julai 2005

s.k: Timbalan Ketua Pengarah (Kawal Selia)

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Dan Pengurusan)

Semua Pengarah JPK Ibu Pejabat

Semua Pendaftar Koperasi Negeri